

Persona Seni Ukiran Melayu Terengganu

Amira Fazira Binti Shaifuddin

Nur Farisha Binti Yahya

Wan Abdul Malek Wan Abdullah

Nik Azliza Nik Ariffin

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis tentang keindahan seni Ukiran Melayu yang telah menjadi satu fenomena pada zaman dahulu. Hal ini kerana ia dianggap sebagai satu identiti kepada sesebuah bangsa. Motifnya yang berdasarkan flora, fauna serta kaligrafi tulisan Arab dan jawi telah menjadi pilihan Raja-raja Melayu terdahulu untuk memperlihatkan keunikan seni ukiran tersebut pada rumah kediaman, anjung serta pintu besar di istana. Kehalusan seni ukiran yang dipamerkan telah menjadi satu titik permulaan dalam mengembangkan serta menghidupkan suasana seni ukiran dalam kalangan masyarakat Melayu. Namun begitu, pengukir-pengukir menghadapi cabaran dalam mengukir ukiran selaras dengan “trend” semasa tanpa mengubah asas tradisi ukiran kayu Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa seni ukiran Melayu masih dipraktikkan oleh pengukir-pengukir dengan menggunakan motif yang relevan dengan nilai komersial serta permintaan daripada masyarakat. Malahan, perbezaan antara Seni Ukir Melayu Tradisional dan seni Ukir Melayu Kontemporari juga memainkan peranan dalam memenuhi permintaan semasa.

Kata kunci: Seni ukiran, Ukiran Melayu, Simbolik, Kraf Tradisional, Identiti Melayu, Seni dan Kraf

ABSTRACT

This study analyses the beauty of Malay wood carving has become a phenomenon in the past as it is considered as an identity to the nation. The designs invented based on the flora, fauna, the Arabic writing and Jawi calligraphy were the choices of the Malay Ruler prior to the contemplation of the wood carving uniqueness on their residential houses, porch and the large door in their palaces. The delicacy of the art carving shown has become the starting point in developing and revitalizing the art of sculpture in the Malay community. However, the craftsmen face some difficulty in carving along with the current trends without changing the basic elements in the art of carving. The results showed that Malay Traditional Carving is still practiced by the craftsmen using motifs that are relevant to the commercial as well as requests from the society. In fact, the differences in Malay Traditional Carving and Malay Contemporary Carving also played a big role in fulfilling current demand.)

Keywords: Wood Carving, Malay carve, symbolic , Traditional Craft, Malay Identity, Art and Craft

PENGENALAN

Seni Ukiran adalah bentuk seni yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Menurut (Syed Ahmal Jamal,1992) seni ukiran adalah satu cabang seni rupa yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan orang Melayu sejak zaman berzaman lagi. Sejarah ukiran kayu yang unik telah banyak tercatat dalam catatan sejarah sejak 500 tahun dahulu dan ia dapat dilihat dengan keindahan seni ukiran yang diterapkan pada peninggalan istana-istana lama, peralatan dapur serta alat pertahanan diri seperti keris. Sebagai contohnya, Istana Tengku Long di Kampung Raja Besut, Terengganu masih utuh dengan seni bina ukirannya. Bukan itu sahaja, seni ukiran kayu kebanyakan dihasilkan di Terengganu menjadikan Negeri Terengganu sebagai negara yang kaya dengan warisan khazanah seni kraf Melayu di Malaysia.

Menurut (Norhaiza Noordin,2020) seorang tokoh Adiguru Negara mengatakan bahawa seni Ukiran kayu ini adalah identiti atau simbolik bagi sesuatu bangsa. Dengan erti kata lain, seni Ukiran yang terpahat di kayu tersebut melambangkan budaya dan kesenian sesuatu bangsa tersebut.

Sebagai analoginya, kehalusan motif-motif kaligrafi yang menggunakan huruf Arab dan tulisan jawi di anjung serta pintu besar istana terdahulu menunjukkan pertembungan budaya antara negara Arab dengan masyarakat tempatan.

Kaedah pembuatan ukiran kayu ini dapat dilaksanakan dengan berpandukan teknik-teknik tersendiri. Pemilihan dan penggunaan teknik bergantung kepada kebolehan serta kemahiran pengukir kayu tersebut. Terdapat lima elemen utama dalam seni ukiran Melayu termasuk punca, bunga, batang, daun dan buah. Seiring dengan arus pemodenan yang kian maju, seni ukir juga tidak ketinggalan dalam mengejar arus pemodenan yang kian pesat membangun ini. Hal ini dapat dilihat apabila para pengukir berusaha menghasilkan karya-karya ukiran yang mengikut perkembangan semasa tanpa menghilangkan asas-asas tradisi ukiran kayu. Mereka berusaha untuk menghasilkan karya ukiran mengikut citarasa serta kehendak daripada pasaran semasa.

Secara amnya, masyarakat tempatan mengetahui tentang kewujudan seni ukiran kayu ini, namun masih ada segelintir yang tidak mengenali warisan seni ukiran kayu Melayu ini. Ukiran kayu berpotensi tinggi untuk terus menjadi pilihan masyarakat setempat kerana ia mempunyai kebolehan dalam mengubah mengikut permintaan masyarakat setempat samada ingin kehalusan seni Ukir Melayu Tradisional mahupun seni Ukir Melayu Kontemporari. Kedua-dua seni mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri yang mampu menarik lebih ramai orang untuk memiliki hasil karya ukiran kayu ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini di jalankan untuk mengkaji dengan lebih terperinci tentang elemen-elemen penting dalam yang digunakan dalam penghasilan dan pengukiran seni kreatif ukir kayu Melayu. Hal ini demikian kerana seni ukiran kayu di Malaysia sudah banyak menerima pengaruh ataupun mengadaptasi element-element dari masyarakat luar seperti dari Indonesia, Thailand atau dari negara Timur Tengah. Pengadaptasian elemen-elemen ini bukan sahaja boleh menjelaskan keaslian dan keunikan seni ukiran kayu Melayu tetapi turut member kesan kepada jati diri masyarakat Melayu.

Permasalahan lain yang turut dikaji adalah tentang cabaran-cbaran yang dihadapi oleh para pengukir kayu tempatan dalam mengekalkan kesenian ukiran kayu ini selaras dengan nilai-nilai komersial dan permintaan masyarakat. Pengukir tempatan bukan sahaja bersaing sesama mereka tetapi mereka turut bersaing dengan pengukir-pengukur dari luar yang menjual hasil ukiran mereka di Malaysia dengan harga yang lebih rendah. Hal ini menyebabkan ukiran tempatan tidak mendapat sambutan walaupun ianya mempunyai nilai kesenian yang lebih tinggi dan berkualiti.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menyempurnakan kajian ini beberapa objektif kajian yang bersesuai dengan tajuk untuk membantu proses kajian dijalankan telah disediakan. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti elemen atau asas-asas dalam seni ukiran Kayu Melayu yang harus diperaktikkan dalam kalangan pengukir tempatan. Elemen atau asas-asas seni ukiran kayu ini merupakan pengetahuan asas yang perlu diketahui oleh para pengukir seperti jenis peralatan yang digunakan dan motif, corak atau pola dalam seni ukir kayu.

Objektif kedua adalah untuk mengkaji dan mengetahui teknik penghasilan ukiran kayu yang betul untuk menghasilkan sebuah ukiran yang kemas dan cantik. Hal ini kerana, menghasil sebuah ukiran kayu yang kemas dan cantik merupakan motif utama para pengukir untuk menarik minat penggemar maupun orang awam terhadap seni ukir kayu ini.

Ketiga adalah untuk mengetahui perbezaan antara seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari. Walaupun kedua-dua ukiran kayu bukan sahaja mempunyai elemen dan unsur yang berbeza, tetapi ianya juga member kesan yang berbeza kepada mereka yang melihat dan menghayati kehalusan seninya. Namun begitu, masih ramai yang tidak tahu akan perbezaan seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari.

Objektif keempat adalah untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pengukir dalam bidang seni ukiran kayu ini. Bidang ukiran kayu ini bukanlah satu bidang yang boleh dibawa oleh semua orang. Ia merupakan satu bidang yang memerlukan minat yang mendalam dan kesungguhan yang tinggi untuk mencapai tahap sebagai seorang pengukir

yang mahir. Cabaran ini bukan sahaja datang daripada pesaing antara pengukir tempatan malah mereka juga turut bersaing dengan negara-negara luar yang turut menghasilkan ukiran kayu ini. Di samping itu, reaksi masyarakat terhadap bidang ini juga turut menjadi cabaran kepada para pengukir dalam mengembangkan ukiran mereka.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengumpul maklumat bagi membantu dalam menjawab beberapa persoalan yang timbul. Persoalan pertama adalah untuk mengetahui nilai falsafah yang dipegang oleh para pengukir dalam memartabatkan warisan seni Ukiran Kayu Melayu. Hal ini kerana, dalam menghasilkan sesebuah ukiran kayu setiap pengukir mempunyai kefahaman dan pandangan tersendiri terhadap makna atau nilai sesebuah ukiran itu. Tambahan pula, nilai falsafah ini boleh berubah-ubah mengikut taraf kefahaman mereka dalam bidang seni ukiran kayu ini sendiri.

Seterusnya, tujuan kajian ini juga ingin mengetahui perbezaan antara seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari. Jika dilihat melalui pandangan mata kasar, kedua-dua ukiran ini sudah pasti akan kelihatan serupa di mana ianya merupakan sejenis ukiran kayu yang cantik dan mempersonakan. Hal ini kerana tidak ramai yang tahu akan perbezaan yang dibawa oleh kedua-dua ukiran ini sama ada dari segi pemilihan corak, element dan kehalusan pembuatannya.

Selain itu, untuk mengetahui bagaimanakah seni ukiran kayu ini melambangkan identiti kepada sesuatu bangsa. Hal ini kerana menurut tokoh hasil ukiran kayu yang dihasilkan oleh pengukir kebiasaannya akan dipengaruhi oleh latar belakang, adat dan agama mereka. Oleh itu, bahagian ini akan mencungkil dengan lebih mendalam tentang pengaruh latar belakang sesebuah masyarakat itu dalam menghasilkan seni ukiran kayu ini.

Persoalan terakhir adalah untuk mengetahui samada seni Ukiran Kayu Melayu kita akan mengalami perubahan nilai estetikanya pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan perkembangan media massa dan media sosial pada masa ini telah memudahkan masyarakat kita untuk mempelajari ilmu tentang budaya-budaya luar. Justeru itu, ianya tidak

mustahil bagi pengukir-pengukir muda untuk mengambil dan mengolah atau mengubah nilai estetika ukiran tersebut pada masa akan datang.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Jika diteliti dengan lebih mendalam, sumbangan kajian ini amatlah meluas kerana ia merangkumi seluruh peringkat termasuklah dapat mengangkat martabat seni ukiran kayu di Malaysia serta di persada dunia. Malahan, kajian ini memberikan pendedahan kepada belia muda supaya lebih ramai generasi muda berminat untuk berkecimpung dalam seni pengukiran kayu sekaligus mewarisi kebolehan serta kemahiran dalam mengukir ukiran Melayu samada dalam ukiran Tradisional mahupun Kontemporari. Tambahan pula, kajian ini menunjukkan bahawa seni pengukiran kayu ini mampu membantu masyarakat serumpun dalam menjana pendapatan mereka demi kelangsungan hidup. Malahan, kajian ini membuktikan bahawa kemahiran mengukir kayu dapat membantu secara langsung dalam memajukan industri kayu dan pengukiran kayu ke peringkat pasaran tempatan dan antarabangsa.

TINJAUAN LITERATUR

Definisi Seni Ukiran Kayu

Menurut (Kamus Dewan, 1989), pengertian seni boleh didefinisikan kepada dua makna iaitu dari segi bahasa, seni bermaksud halus, nipis dan elok. Manakala dalam bentuk karya seperti muzik dan lukisan, seni membawa makna kepada kemahiran atau kepandaian seseorang individu dalam mencipta sesuatu yang luar biasa. Oleh itu, kesenian ini merupakan aktiviti yang berhubung kait dengan kehalusan, seni, keindahan, nilai yang berguna serta bermanfaat kepada manusia.

Seni Ukiran kayu pula adalah salah satu bidang seni Islam yang terkenal sejak dahulu lagi. Kehalusan seninya menunjukkan betapa halus dan tingginya kemahiran seseorang pengukir itu dalam mencorakkan motif dan corak di papan kayu. Berdasarkan (Norhaiza Noordin, 2009), ekspresi yang ditonjolkan melalui karya ukiran itu menunjukkan watak serta budaya masyarakat Melayu. Hal ini dapat diperjelaskan lagi apabila seni ukiran yang diterapkan pada ukiran sebenarnya melambangkan jati diri masyarakat Melayu.

Seni ukiran kayu adalah proses sekeping kayu rata diukir menggunakan motif-motif tertentu sehingga menampakkan sebuah ilusi bentuk tiga dimensi. Proses ukirannya bermula dengan reka bentuk daripada imaginasi si pengukir sendiri. Reka bentuk dipadankan dengan sebuah kayu sebelum dibentangkan pada kertas surih. Setelah dipindahkan ke kayu, reka bentuk diminimumkan mengikut kesesuaian saiz kayu. Hal yang demikian kerana pengukir perlu menentukan setiap potongan seperti kedalaman potongan supaya ia menghasilkan corak dan motif yang diinginkan. Dengan menggunakan pelbagai alat dan teknik, pengukir berjaya membawa reka bentuk kehidupan (Fortuna, 2019).

Meskipun seni ukiran kayu ini telah lama wujud dalam masyarakat Melayu, namun kerana sifat fizikal kayu itu sendiri yang tidak mampu bertahan lama menyebabkan tinggalan seni ukiran kayu yang lama jarang ditemui. Namun begitu, ianya tidaklah mustahil kerana terbukti lah ukiran pada hulu keris, masjid dan istana lama boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengukir-pengukir dalam mempelajari seni ukiran kayu tradisional. Hal ini telah membuktikan bahawa untuk menghasilkan sebuah ukiran tradisional, nilai-nilai tradisi daripada aspek visual dan *non-visual* memainkan peranan penting kerana ia tidak bergantung kepada bahan mahupun teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya tersebut.

Selain itu, seni ukiran kayu juga merupakan pentas untuk para pengukir mengekspresikan nilai-nilai dan keperibadian mereka dalam karya mereka. Hal ini dapat dilihat melalui aspek kontemporari atau maksud tersirat di sebalik motif ukiran yang dihasilkan oleh pengukir. Menurut Abdullah Muhammad (Nakula) yang telah menterjemahkan maksud di sebalik ukiran-ukiran kayu itu kepada bahasa-bahasa indah yang boleh digambarkan oleh masyarakat sekarang. Beliau menggunakan latar belakang sosio budaya masyarakat sebagai panduan untuk menyampaikan ekspresi seni ukiran kayu tradisional itu dalam bentuk bahasa yang lebih indah dan mudah. (Izani Mat)

Seni Ukir Kayu melalui perspektif sumber lisan

Tokoh merupakan nadi dalam menggerakkan dan mengembangkan aktiviti pengukiran dalam kalangan masyarakat. Malah, tokoh jugalah yang memberikan sokongan kepada penggiat seni yang menceburkan diri dalam seni pengukiran ini agar tidak berputus asa dalam menghasilkan ukiran kayu

yang berkualiti, kemas dan cantik. Ini adalah seni Ukir Kayu melalui perspektif sumber lisan di Malaysia. Mengikut (Norhaiza Nordin, 2009), keindahan ukiran bergantung kepada olahan, gaya dan teknik mengukir sebuah karya itu. Teknik ukiran memerlukan ketajaman minda untuk mengolah dan membuat penyusunan motif yang menarik disamping mempunyai kemahiran dan kebolehan tangan untuk memahat dan menyobek kayu menjadi ukiran.”

Selain itu, menyatakan (Abdul Halim Nasir, 1987) bahawa kesenian ukiran diibaratkan sebagai bukti kepada kegemilangan kraf tangan apabila ia diangkat sebagai simbol kepada sesbuah pemerintahan. Hal ini dapat dilihat apabila status raja pemerintahan itu bergantung kepada penerapan seni di istananya. Semakin kurang seni ukiran di istana, maka ia dianggap sebagai tidak bersedia untuk memikul gelaran raja dengan sempurna. Malahan, statusnya juga dianggap lebih rendah daripada raja yang mempunyai istana dengan seni ukir yang lebih gah.

Disamping itu, merujuk kepada coretan (M. Quraish Shihab, 1996), seni adalah satu keindahan alam di mana ia mengekspresikan sisi terdalam manusia yang didorong dengan keindahan anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya.

Cabarannya dalam memartabatkan Seni Ukiran Kayu Melayu

Memetik dari akhbar Metro *online* , (Ruwaida Baharudin, 2018) mengatakan bahawa permintaan kepada perabot yang berukiran Melayu semakin kurang menggalakkan malah hanya meningkat pada musim tertentu sahaja. Bukan itu sahaja, ada segelintir masyarakat beranggapan bahawa hasil perabot atau produk yang berasaskan ukiran kayu ini hanyalah untuk cita rasa orang lama sahaja. Dengan kemudahan perabot pasang siap atau dikenali sebagai *Do-It-Yourself (DIY)* menjadikan permintaan perabot berukir ini semakin merosot.

Malah, menurut coretan akhbar (Azizul Ahmad, 2018) dalam *freemalaysiatoday.com*, kekurangan tenaga kerja dalam mengukir ini menyebabkan pengeluaran kraf kayunya agak terhad. Hal yang demikian kerana, pengukir itu akan mengambil tempoh yang agak lama untuk menyiapkan ukiran yang ditempah disebabkan oleh kekangan pengukir-pengukir muda yang mempunyai kemahiran mengukir yang sama dengannya.

Langkah-langkah dalam memartabatkan Seni Ukiran Kayu Melayu

Rentetan daripada itu, menurut (Ruwaida Baharudin, 2018) beliau memilih untuk menggunakan kayu jelutong sebagai kayu panelnya kerana kosnya yang murah berbanding kayu berkualiti yang lain seperti kayu Cengal, Merbau dan Jati agar semua golongan dapat memiliki hasil karya ukiran Melayu ini.

Malahan juga, mengatakan (Azizul Ahmad, 2018) berharap agar lebih ramai yang menceburi bidang ini kerana pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai memperuntukkan serta sumbangan seperti menyediakan bengkel, mesin serta kursus kepada semua individu yang ingin melibatkan diri secara serius dalam bidang ini.

Motif Seni Ukiran Kayu Melayu

Pada peringkat awal kedatangan seni ukiran kayu di Malaysia, ukiran kayu tradisional hanya mempunyai tiga motif atau tiga bentuk ukiran iaitu Motif Melayu Langkasuka atau dikenali sebagai kelopak dewa. Motif kedua adalah bunga Melayu lama atau nama lainnya kelopak maya serta motif ketiga adalah berdaun hidup orang Melayu ataupun kelopak hidup(Hussin, Baba, Hassan, Mohamed, 2012). Ketiga-tiga motif tersebut merupakan motif ukiran tradisional yang terawal dalam dunia seni ukir iaitu seni Ukiran Kayu Melayu yang mempunyai falsafah tersendiri, sesuai dengan era di mana mereka dahulu dicipta.

Tambahan pula, kefahaman mengenai falsafah dan motif dalam seni Ukiran Kayu Melayu juga memainkan peranan penting kerana ia dijadikan sebagai panduan penganalisaan hasil seni ukiran kayu Melayu sehingga kini. Malahan, seni ukiran kayu ini tidak sama dengan seni ukiran batu, tanah, perak, tembaga mahupun emas. Hal yang demikian kerana seni ukiran kayu ini mempunyai motif yang lebih kompleks, malah seni ukiran juga berbeza dengan seni pahatan. Aktiviti pengukiran memerlukan peralatan yang banyak supaya dapat merangkumi pelbagai jenis bentuk serta ukirannya. Menurut Affandi (1976) dalam bukunya ‘Sejarah Seni Rupa Indonesia’, seni Ukiran Kayu Melayu termasuk di bawah kategori seni pahat, tetapi tidak semua hasil pahatan termasuk dibawah seni ukiran kayu (Daud, Arbi, dan Faisal. 2012).

Jenis - jenis kayu

Beralih pula pada jenis-jenis ukiran kayu yang telah dibahagikan kepada empat bahagian, di mana setiap ukiran mempunyai nilai dan makna tersendiri. Proses mengukir kayu bermula dengan penggunaan bahan dan alatan kraf, dibantu dengan kerja tangan dalam ukiran. Bukan itu sahaja, ukiran ini boleh dibahagikan kepada ukiran dua dimensi dan tiga dimensi. Antara contoh ketara ukiran dua dimensi yang paling dekat dengan kita adalah pada hiasan dinding, pintu dan anjung. Sementara itu, ukiran tiga dimensi pula hanya dapat dilihat pada peralatan rumah, patung dan perabot seperti congkak. Keunikan seni Ukiran Melayu dapat dilihat pada elemen asas yang dikenali sebagai ‘silat’ yang menjadi ungkapan untuk liuk-lentuk terhadap motif yang dihasilkan. Terdapat empat jenis ukiran ‘silat’ yang sering digunakan oleh pengukir. Antaranya adalah Ukiran timbul tanpa silat, Ukiran timbul bersilat, Ukiran tebuk tembus tanpa silat dan Ukiran tebuk tembus bersilat (Zuliskandar, Hamdzun, Hafizah dan Salina. 2014).

METODOLOGI

Dalam menyempurnakan kajian ini beberapa kaedah yang bersesuaian untuk mengumpul maklumat yang akan digunakan untuk dalam menyiapkan kajian. Berikut merupakan kaedah yang digunakan oleh dalam menyempurnakan kajian ini.

Temu bual lisan

Kaedah temu bual adalah kaedah yang melibatkan soal jawab antara dua pihak, dalam kajian seorang tokoh telah di pilih untuk di temubual yang menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Proses temu bual dijalankan dalam dua peringkat, di mana peringkat pertama adalah temubual awal. Temu bual ini bertujuan untuk memberi masa kepada tokoh dan pengendali wawancara untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan meredakan kejanggalan keadaan. Pada masa yang sama, temubual ringkas telah dilaksanakan untuk mengesahkan sekali lagi data sedia ada daripada tokoh. Peringkat kedua adalah temubual sebenar di mana situasinya lebih formal dan durasi masanya lebih panjang.

Analisa Bahan

Kaedah ini melibatkan pencari bahan-bahan bacaan sebagai sumber rujukan sebagai salah satu cara untuk menambah maklumat dalam kajian. Bahan arkib digunakan untuk menyokong hasil kajian ini. Selain itu, bahan rujukan dari luar seperti buku, artikel atau maklumat dari sumber internet turut digunakan.

Rakaman Video/Audio

Dalam kajian ini, rakaman sesi temu bual yang dijalankan secara atas talian telah dilaksanakan. Kaedah ini rakaman video dan audio sudah menjadi kewajiban dalam menjalankan kajian lisan. Rakaman ini bertujuan untuk membantu meneliti dan mengkaji dengan lebih mendalam tentang kajian mereka, di samping menjadi sumber utama untuk penulisan transkrip bagi kajian lisan ini.

HASIL KAJIAN

Peralatan yang digunakan

Penggunaan alat ukiran yang berbeza menghasilkan ukiran kayu yang unik dan cantik. Menurut tokoh Adiguru ini, peralatan mengukir terbahagi kepada dua iaitu peralatan tradisional dan peralatan moden. Terdapat tiga belas jenis peralatan yang digunakan oleh pengukir termasuk pahat. Pahat adalah peralatan utama yang digunakan untuk menebuk, membentuk corak atau membuang bahagian yang tidak diperlukan semasa proses mencorakkan ukiran kayu dijalankan. Cara penggunaan pahat adalah dengan mengetuk atau memukul kepala pahat dengan jumlah tenaga yang dikehendaki. Seterusnya, Ketam Kayu digunakan untuk melicinkan dan meratakan permukaan kayu sebelum digunakan untuk mengukir. Terdapat pelbagai jenis ketam kayu yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Antaranya, Ketam Kayu Tradisional mempunyai bentuk yang lebih ringkas berbanding Ketam Kayu Moden. Ketam Kayu mempunyai beberapa komponen penting seperti blok ketam atau badan ketam, yang merupakan bahagian utama bagi ketam kayu. Tangan ketam berfungsi sebagai pemegang kayu manakala pisau penebal adalah pisau yang berhubung dengan pisau utama dengan sekrup untuk menentukan kedudukannya dengan pisau utama. Akhir sekali, Pasak Pisau berfungsi sebagai pengetat bagi kedudukan pisau dalam blok ketam.

Di samping itu, Ceter digunakan untuk membentuk asas kayu dalam proses mengukir dan serta diikuti oleh Tukul Kayu yang digunakan untuk memukul pahat dalam proses pengukiran. Peralatan kelima adalah gergaji. Dalam kerja pengukiran, terdapat tiga jenis gergaji yang digunakan. Pertama, Gergaji kecil digunakan untuk memotong bahagian kayu yang tidak diperlukan. Kedua, Gergaji Berhalang berfungsi untuk memotong dan membentuk bahagian lengkung pada ukiran dan yang ketiga adalah Gergaji kecil atau dipanggil ‘jigsaw’ mempunyai fungsi yang hampir sama dengan Gergaji Berhalang iaitu memotong mengikut lengkungan yang dikehendaki. Seterusnya, Kikir Pari dan kertas pasir digunakan untuk meratakan dan melicinkan corak pada permukaan kayu yang telah diukir supaya kayu kelihatan lebih kemas.

Peralatan asas yang paling penting adalah Pisau Wali kerana ia digunakan untuk mengukir corak pada kayu sebelum proses ukiran dijalankan. Selain itu, Mesin Gerudi turut digunakan untuk menghasilkan lubang pada kayu ukiran. Alatan seterusnya adalah sebuah pembaris yang digunakan untuk mendapatkan ketepatan sudut yang dipanggil sebagai Sesiku. Akhir sekali, Pengepit digunakan untuk memegang atau mengapit kayu supaya tidak bergerak semasa proses mengukir sedang dilakukan.

Pola Ukiran

Terdapat tiga jenis pola ukiran utama yang sering digunakan oleh pengukir tempatan iaitu Pola Bujang, Pola Pemindang dan Pola Lengkap. Pola Bujang atau dikenali sebagai Pola Putu adalah motif bebas dan tidak mengandungi unsur pengulangan. Pola ini kebiasaannya menggunakan elemen kuntuman bunga dan putik buah seperti Bunga Cengkoh, Bunga Lawang , Bunga Teratai dan lain-lain. Malahan, penggunaan elemen kosmik seperti matahari, bulan dan bintang serta elemen haiwan seperti ayam, itik, badak dan burung juga digunakan dalam pola ini. Seterusnya, Pola Pemidang atau nama lainnya Pola Bingkai. Pola Pemindang adalah motif berbingkai yang reka bentuknya lebih ringkas dan mempunyai maksud nilai estetika yang tersirat seperti Itik Pulang Petang dan Badak Mudik. Pola Lengkap atau dikenali sebagai Pola Induk adalah motif berdasarkan tumbuhan di mana keseluruhan bahagian tumbuhan diadaptasikan dalam reka bentuk ukiran kayu.

Jenis kayu untuk mengukir

Jenis kayu juga berperanan besar dalam menghasilkan ukiran kayu yang kemas dan senang diukir. Di Malaysia, Kayu Cengal, Merbau dan Nyatoh adalah antara kayu yang dipilih oleh para pengukir. Menurut (Azizul Ahmad, 2018) untuk menghasilkan hiasan kayu yang berkualiti, pemilihan kayu berkualiti merupakan faktor utama dalam penghasilan ukiran yang cantik. Ini kerana bukan semua kayu sesuai digunakan untuk ukiran kayu. Sebagai contoh, kayu jati, angsana dan cengal sesuai digunakan untuk membuat perabot kerana ketahanannya yang kuat. Walaubagaimanapun, nilai komersial seperti warna dan urat kayu juga mempengaruhi pemilihan kayu. Kayu terbaik untuk ukiran adalah kayu cengal. Meskipun begitu, kayu berkualiti mempunyai harga yang agak tinggi dalam pasaran. Justeru, pengukiran kayu juga bergantung kepada nilai komersial kayu dalam pasaran tempatan.

Teknik mengukir

Ukiran kayu yang menarik adalah hasil daripada teknik-teknik pengukiran kayu tertentu. Namun begitu, pemilihan teknik bergantung pada kemahiran dan kemampuan pengukir mengukir kayu. Menurut (Norhaiza Noordin, 2020) kecantikan ukiran bergantung kepada gaya, olahan serta teknik mengukir sesebuah karya itu. Teknik ukiran memerlukan ketajaman minda untuk mengolah dan menyusun motif serta mempunyai kemahiran dan kebolehan tangan dalam memahat dan menyobek kayu untuk menjadi satu ukiran.” Terdapat lima teknik utama dalam ukiran Melayu termasuk teknik Ukiran Bunga Timbul, ukiran Larik, ukiran Tebuk Tembus, Ukiran Arca dan Ukiran Layang.

1. Ukiran Tebuk Tembus

Ukiran Tebuk Tembus melibatkan sekeping papan atau beberapa keping papan yang ditebuk dengan Tembus menggunakan gerudi gergaji. Tambahan pula, ukiran ini terbahagi kepada dua jenis iaitu Ukiran Tanpa Silat dan Ukiran Bersilat. Ukiran Bersilat adalah istilah dari perkataan Silat yang menunjukkan bahagian papan tebuk, disobek serta mempunyai bahagian yang timbul dan tenggelam. Ukiran Tebuk Tembus ini berfungsi

sebagai hiasan serta pengalir udara tradisional di dalam rumah seperti yang terdapat di serambi atau di bahagian dinding rumah.

2. Ukiran Larik

Ukiran Larik yang berbentuk bulat akan disusun secara genting-gentang yang kebiasaannya di ukir pada tiang rumah, tongkat dan tiang pemegang tangga tradisional.

3. Ukiran Bunga Timbul

Ukiran Bunga Timbul merupakan ukiran yang mengandungi bunga ukir silat dan bunga tanpa silat. Ukiran Bunga Timbul ini kebiasaannya diukir di perabot, mimbar masjid dan sampir senjata. Namun begitu, Ukiran Bunga Timbul ini mempunyai ukiran yang hampir sama seperti ukiran Tebuk.

4. Ukiran Arca

Ukiran ini melibatkan bunga ukiran yang sama seperti ukiran Bunga Timbul, namun bunga nya lebih halus dan kecil berbanding ukiran Bunga Timbul.

5. Ukiran Layang

Ukiran ini adalah salah satu ukiran tembus tidak mempunyai corak yang timbul pada permukaan kayu. Kebiasaannya, ukiran ini diukir pada katil, perabot dan katil menggunakan teknik guris di permukaan kayu.

Perbezaan seni tradisional dengan seni kontemporari

Seni Ukiran Melayu Tradisional adalah seni yang menggunakan asas tradisi dalam pengukiran kayu. Menurut (Norhaiza Nordin,2020) ukiran Melayu Tradisional lebih terperinci ukirannya di mana, pengolahan motif mestilah mempunyai lima elemen penting. Lima elemen tersebut termasuklah punca, batang, daun, bunga dan buah. Kelima lima elemen ini wajib diolah dengan cara penyusunan yang betul supaya hasilnya kelihatan kemas dan tidak serabut. Tambahannya, sebagai pengukir, mereka mesti mengetahui dan menguasai asas tradisi ukiran terlebih dahulu sebelum mengaplikasikan seni Ukiran Melayu Kontemporari. Sebagai analoginya, seorang pengukir mestilah mengetahui setiap fungsi peralatan mengukir sebelum memulakan proses pengukiran kayu.

Bertentangan dengan itu, seni Ukiran Melayu Kontemporari pula merujuk kepada kemampuan pengukir mengolah motif tradisional mengikut kehendak semasa tanpa menghilangkan asas tradisi ukiran kayu yang ada. Maklumat daripada (Abd. Muhammin bin Hasbollah, 2020), seni ukiran kayu kontemporari ini boleh didefinisikan sebagai satu pilihan daripada pelbagai jenis ukiran. Sebelum mengetahui ukiran kontemporari ini, pengukir sebaiknya mengenal dan mengetahui ilmu berkaitan dengan ukiran tradisional dahulu kerana ukiran kayu tradisional merupakan asas utama dalam seni pengukiran. Dengan kata lain, (Norhaiza Noordin, 2020) seni kontemporari ini adalah rentetan daripada asas tradisi dalam seni Ukiran Melayu Tradisional.

Menurutnya lagi, seni Ukiran Kayu Kontemporari tidak fokus pada motif bunga sahaja, malah banyak lagi unsur lain yang boleh diketengahkan seperti angin, api dan mana mana unsur mengikut daya kreativiti serta idea masing-masing. Beza antara seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari adalah Ukiran Tradisional mempunyai seni ukiran yang lebih terperinci, halus dan lembut berbanding Ukiran Kontemporari yang lebih menekankan kepada seni ukiran yang lebih kasar dihasilkan mengikut permintaan daripada pelanggan sendiri. Namun begitu, kedua-dua ukiran mempunyai kerumitan ukirannya yang tersendiri.

Selain itu, proses pengukiran bagi kedua dua ukiran juga berbeza. Hal ini dapat dibuktikan apabila proses bagi seni Ukiran Melayu Kontemporari adalah lebih singkat kerana penggunaan teknologi terkini seperti mesin memudahkan lagi proses mengukir. Berbanding dengan seni Ukiran Melayu Tradisional yang masih menggunakan sepenuhnya tenaga kerja pengukir untuk mengukir dan meraut setiap motif dan corak di kayu panel menggunakan alatan seperti pahat.

Cabarang-cabaran yang dihadapi oleh pengukir pada masa kini

Memetik dari akhbar Metro *online*, (Ruwaida Baharudin, 2018) mengatakan bahawa harga kraf tangan ukiran kayu yang mencecah harga beribu menyebabkan kurangnya permintaan serta sambutan daripada masyarakat setempat terutamanya kepada generasi belia. Hal ini di persetujui (Norhaiza Noordin, 2020) yang menjelaskan bahawa nilai komersial ukiran kayu mestilah dapat memenuhi permintaan pelanggan. Meskipun ukiran kayu

tersebut menggunakan kayu yang berkualiti tinggi dan mempunyai penerapan seni yang kemas, namun harganya yang tinggi menyebabkan masyarakat lebih cenderung untuk memilih karya lain yang lebih murah harganya.

Selain itu, (Norhaiza Noordin, 2019) yang berkata dalam salah satu petikan dari Utusan Borneo *Online*, perubahan semasa yang menginginkan corak yang lebih ringkas dan moden membataskan kreativiti dan idea para pengukir untuk mengekspresikan karya mereka dalam mengukir. Katanya, pengukir hanyalah dijadikan sebagai “mesin” dalam menyiapkan permintaan daripada pelanggan yang memilih corak yang lebih moden sekaligus melupakan corak Ukiran Kayu Melayu yang lama.

Disamping itu, persaingan hebat daripada pengukir luar negara serta pengimport juga menjadi cabaran hebat kepada pengukir tempatan. Hal ini kerana, ada pihak yang telah membawa masuk pengukir luar untuk menghasilkan karya dan menjualnya di pasaran Malaysia dengan harga mampu milik sekaligus menjatuhkan kredibiliti serta keupayaan pengukir-pengukir tempatan dalam menghasilkan karya mereka. Mereka harus bersaing dengan pengukir luar untuk mengetengahkan kemahiran mereka dalam industri pengukiran ini.

Selain daripada itu penglibatan golongan muda di dalam industri tradisional ini yang tidak begitu menggalakkan , sedikit sebanyak member kesan negatif kepada hasil pengeluaran seni ukiran kayu ini. Hal ini turut di sokong oleh Azizul Ahmad (2018) di mana beliau berkata bahawa kekurangan penglibatan golongan muda untuk menceburi bidang ini telah menyukarkan beliau untuk mencari tenaga kerja yang mahir dalam seni ukiran kayu ini. Hal ini telah menyebabkan beliau terpaksa bekerja dan menyiapkan tempahan-tempahan ukiran kayu sendirian, di samping terpaksa mengehadkan pengeluaran hasil kerjanya kerana tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi.

Seperti yang kita sedia maklum, seni ukiran kayu ini merupakan salah satu kraf yang membolehkan para pengukir mengekspresikan diri mereka di dalam ukiran mereka, dalam kata lain para pengukir perlu menjiwai karya mereka (Wan Mustafa Bin Wan Su, 2016), di mana dengan cara ini ukiran yang dihasilkan akan kelihatan ‘hidup’ dan ‘lembut’ pada tatapan orang ramai.

Namun ianya tidak begitu mudah untuk di hasilkan kerana kebanyakan pengukir-pengukir baru masih tidak mempunyai kefahaman atau lebih dikenali sebagai falsafah yang mendalam dalam bidang tersebut. Kesannya, seni ukiran kayu yang mempunyai kualiti tinggi sebegini semakin sukar di ditemui pada masa sekarang kerana pengeluarannya yang terhad.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat serta mengetahui dengan lebih lanjut mengenai keunikan seni Ukiran Melayu melalui sumber primer iaitu tokoh Adiguru Negara, Norhaiza Noordin yang telah berkecimpung dalam dunia ukiran kayu selama 37 tahun. Segala maklumat yang diperoleh amatlah berguna sekaligus menjadi pengetahuan am kepada para pengguna sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

Ukiran Kayu merupakan seni kemahiran turun-temurun yang masih bertapak dalam budaya masyarakat Malaysia. Seni kemahiran ini mestilah dipelajari agar warisan ini tidak ditelan masa malah seharusnya menjadi kebanggaan Malaysia. Hal ini kerana, pelbagai sumbangan dan usaha dilakukan oleh pihak kerajaan serta penggiat seni terutamanya para pengukir dalam memartabatkan seni warisan ukiran Melayu kepada masyarakat sejagat. Penubuhan agensi-agensi kerajaan dalam mempromosikan warisan seni ukiran ini mestilah dihargai agar lebih ramai lagi didedahkan dengan seni warisan ini sekaligus menjadi satu platform kepada generasi muda untuk mereka mendapatkan maklumat dan pengetahuan am yang lebih mendalam mengenai seni perindustrian kayu ini.

Meskipun Malaysia semakin pesat dengan kecanggihan teknologi terkini, namun ia bukanlah menjadi satu penghalang kepada kita untuk terus menyemarakkan kesenian warisan ukiran kayu ini. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Norhaiza Noordin, seni ukiran kayu itu sendiri melambangkan identiti sesebuah bangsa. Maka, sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah menjaga identiti kita sebaik-baiknya agar identiti kita tidak luntur atau diragut oleh bangsa luar. Sekiranya ini bukan tanggungjawab kita, siapa lagi yang harus memikul tanggungjawab ini? Justeru itu, semua pihak mestilah bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan usaha untuk

memartabatkan semula seni ukiran kayu Melayu di Malaysia agar seni warisan ini tidak ditelan zaman dan dilupakan oleh generasi muda pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Alaui. A. S. (2016. September 29). Seni Ukiran Kayu Terengganu; Amazing Terengganu. Utusan Melayu (M) Bhd. Retrieved January 15. 2021 from: <https://www.facebook.com/AmazingTerengganu/posts/seni-ukiran-kayu-terengganuan-wan-suseorang-pengukir-terkenal-di-al/929635023846780/>
- Applegreen, A. (2014, September 12). UKIRAN KAYU TRADISIONAL. Retrieved November 15, 2020, from <http://bicarasenivisual.blogspot.com/2014/09/ukiran-kayu-tradisional.html>
- Bernama. (2018. Oktober 23). Seni Ukiran Kayu Terus Jadi Buruan kraf bernilai tinggi. Retrieved January 15, 2021, from: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/10/23/seni-ukiran-kayu-terus-jadu-buruan-kraf-bernilai-tinggi/>
- Dese Ukiran Kayu. (July. 11. 2010). Jenis Pola Ukiran. Retrieved date: January 1. 2021 Retrieved from: <http://desaukirankayu.blogspot.com/2010/07/jenis-pola-ukiran.html>
- Desa ukiran kayu, D. (2014, December 15). TOKOH PENGUKIR BESUT - ADIGURU NORHAIZA BIN NOORDIN. Retrieved November 15, 2020, from <http://desaukirankayu.blogspot.com/2014/12/tokoh-pengukir-besut-adiguru-norhaiza.html>
- Fortuna. J. (April. 2019). The Art and Process of Wood Carving as a Meaningful Occupation. The Open Journal of Occupational Therapy. Retrieved from: [\(PDF\) The Art and Process of Wood Carving as a Meaningful Occupation \(researchgate.net\)](https://www.researchgate.net/publication/283071735_Perkembangan_Seni_Khat_Ukir_Melayu_Kajian_Terhadap_Karya_Ukir_Kayu_di_Terengganu)
- Haji Harun, M. (2013, October). (PDF) PERKEMBANGAN SENI KHAT UKIR MELAYU: Kajian Terhadap ... Retrieved January 14, 2021, from https://www.researchgate.net/publication/283071735_Perkembangan_Seni_Khat_Ukir_Melayu_Kajian_Terhadap_Karya_Ukir_Kayu_di_Terengganu
- Hussin et al (2012). The philosophy in the creation of traditional Malay carving motifs in Peninsula Malaysia. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 8. Issue 7.88-95. Retrieved from: <http://www.ukm.my/geograafia/images/upload/9.geograafia-okt%202012-aishah-english-am.pdf>
- Hussin, M. (2018, October 27). 'Jiwa' ukiran kayu. Retrieved January 14, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2018/10/389991/jiwa-ukiran-kayu>

Ismail. L. (June. 12. 2017). Jenis Ketam Kayu. Bicara Menteri. Retrieved Date: January 1. 2021. Retrieved from: <http://bicaramentari.blogspot.com/2017/06/cdf.html>

Keumala Daud, N., Faisal, M., & Arbi, E. (dec 2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia. Journal of Design and Built Environment, 11, 1-14 .

Mat II M. Hum, I. (2019). Ekspresi Keperibadian Melayu di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional. KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni. Vol. 1. 26–32. Retrieved from: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2222>

Mustafa, S. (2020, November 12). Ukiran kayu jadi sumber rezeki selepas hilang pekerjaan. *BH Online*.

Pengukir kayu seni Melayu menongkah arus. (2019, October 23). Retrieved January 14, 2021, from <https://www.utusanborneo.com.my/2019/10/23/pengukir-kayu-seni-melayu-menongkah-arus>

Ramlie et al (August. 2014) The meaning of Malay motif wood carving in Terengganu Mosque. Badan Penerbit Universitas Riau . Retrieved from: https://www.researchgate.net/publication/305288741_The_meaning_of_Malay_motif_wood_carving_in_Terengganu_Mosque

Satibi, Z. (2018, March 10). Karya unik kekalkan tradisi bangsa. Retrieved January 14, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2018/03/319977/karya-unik-kekalkan-tradisi-bangsa>

Yusof, Y., Arif, H., & Abdullah, N. (2020). ABD. MUHAMMIN BIN HASBOLLAH : MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI. Retrieved January 14, 2021, from <https://journal.scientiaca.org/index.php/Jappa/article/view/71>